

<https://doi.org/10.17576/akad-2019-89SI2-01>

NOTA EDITOR

Undang-undang konvensional dan syariah di Malaysia adalah sinonim dengan senario dan suasana kehidupan masyarakat sejagat. Justeru tidak hairanlah perkembangan serta evolusi undang-undang di negara ini sentiasa bergerak seiring dengan perkembangan serta isu-isu kemasyarakatan semasa. Secara sepintas lalu, kajian-kajian terdahulu telah membuktikan bagaimana undang-undang konvensional dan syariah di negara ini telah melalui pelbagai peringkat perkembangan bermula sejak zaman kemerdekaan sehinggalah ke hari ini. Justeru, *Akademika* edisi khas yang bertemakan “Perkembangan Undang-undang dan Kesejahteraan Masyarakat” adalah tepat pada masanya.

Meneliti perkembangan undang-undang syariah di Malaysia, ternyata kebanyakan kajian-kajian terdahulu berpaksikan kepada perkembangan prinsip-prinsip asas syariah. Ianya sejajar dengan perkembangan undang-undang syariah di negara ini yang di peringkat awalnya melalui peringkat pengukuhan prinsip-prinsip asas syariah. Perkembangan awal tersebut jelas mengguna pakai pendekatan bahawa dalam menyelesaikan sesuatu isu perundangan, maka prinsip-prinsip asas syariah itu sendiri harus diperkemas, diperkukuhkan serta diperkembangkan agar berupaya memberikan jawapan serta penyelesaian kepada permasalahan semasa.

Justeru *Akademika* edisi khas ini menyorot wacana ilmiah yang bertajuk “Menangani Masalah Kelahiran Anak Tak Sah Taraf Di Malaysia: Peranan Perundangan Jenayah Syariah Dalam Masyarakat” dan “Kebolehterimaan Keterangan Forensik dari Perspektif Maqasid Syariah”. Kedua-dua kajian ini penting dalam menangani cabaran jenayah semasa dalam masyarakat dari perspektif Islam. Makalah seterusnya yang bertajuk “Kajian Keberkesanan Undang-undang Faraid di Malaysia” meninjau keberkesanan undang-undang dalam menyelesaikan isu pembahagian harta pusaka umat Islam di negara ini, manakalah makalah “Pemasaran bersebab: Adakah pengguna Islam membeli?” menyingkap isu-isu kepenggunaan masyarakat Islam semasa.

Kajian ke atas aspek undang-undang pekerjaan juga penting dalam masyarakat dan telah berkembang dengan aktif dewasa ini. Malah undang-undang pekerjaan di Malaysia kini melalui fasa baru yang mana prinsip-prinsip antarabangsa telah digunapakai untuk menjawab pelbagai persoalan semasa yang timbul. Hasil kajian ini dapat dilihat dalam makalah yang bertajuk “Bab Buruh Dalam Perjanjian Trans-Pasifik (TPPA): Kesan kepada Perundangan Buruh Malaysia” serta “Model Perkembangan Undang-Undang Buruh Australia: Panduan Untuk Malaysia”. Selain itu, satu makalah yang menarik bertajuk “Gangguan Selingkuh Dalam Kalangan Pekerja: Satu Cabaran Pelaksanaan Perundangan Di ASEAN” turut diketengahkan dalam edisi khas ini.

Perkembangan undang-undang juga dapat dilihat dalam hampir semua aspek kehidupan masyarakat dan boleh dilihat dalam makalah bertajuk “Kajian Undang-undang Tadbir Urus Universiti dalam Pembangunan Masyarakat Malaysia”, Kestabilan Kewangan Liga Sukan Profesional: Analisis Perundangan Terhadap Peraturan dan Amalan Liga Sukan Profesional” serta “Arahan *Do Not Resuscitate (DNR)* Dalam Sektor Kesihatan Dari Perspektif Undang-undang”. Dua lagi makalah adalah berkisar isu alam sekitar iaitu “Lanskap SDG 3 di Negara Berpendapatan Rendah dan Sederhana dan Cabaran Pelaksanaan “serta” Kajian Persepsi Faktor Undang-Undang dan Bukan Undang-Undang dalam Pengurusan Sisa Pepejal Mampan di Malaysia”.

Akhir kata, adalah menjadi harapan besar kami agar kesemua makalah yang dimuatkan dalam *Akademika* edisi khas ini berupaya memberikan pencerahan kepada pembaca serta turut berupaya memangkin ke arah kajian-kajian yang lebih terperinci di masa akan datang.

Rasyidah Md Khalid
Ahmad Azam Mohd Shariff

EDITOR'S NOTE

Conventional and syariah law in Malaysia is synonymous with the scenario and atmosphere of universal life. Hence it is not surprising that the development and evolution of laws in the country are constantly moving in tandem with the current developments and social issues. At a glance, previous studies have shown how

conventional and syariah laws in the country have gone through various stages of development from the time of independence to the present day. Hence it is timely for a special issue of *Akademika* under the theme “Legal Development and Welfare of the Society”.

Looking at the development of syariah law in Malaysia, many of the earlier studies are based on the development of the fundamental principles of syariah. It is in line with the development of syariah law in the country which was initially going through the phase of strengthening of the fundamental principles. The early development clearly adopted the approach that in solving a legal issue, the basic principles of the syariah itself should be streamlined and expanded in order to provide answers and solutions to current problems

Hence, this special issue of *Akademika* highlights articles entitled “Addressing Unlawful Child Births in Malaysia: The Role of the Syariah Criminal in The Community” and “The Admissibility of Forensic Evidence from the Maqasid Syariah Perspective”. Both paper examines the important role of syariah in facing crime in the society. The next paper entitled “Study on Effectiveness of Faraid Law in Malaysia” examines the role played by laws in resolving issues of the distribution of Muslims inheritance, while article “Cause-related marketing: Will religious consumers buy?” analyses issues in Muslim consumerism.

Studies on the aspects of employment law are also important in the society and have grown actively today. In fact, employment laws in Malaysia has entered into a new phase in which international principles have been adopted to address various issues that has arisen. The results of this study can be seen in the paper entitled “Labour in Trans-Pacific Agreement (TPPA): Impact on Malaysian Labor Law” and “Australian Labour Law Development Model: Guidance for Malaysia”. Additionally, an interesting paper entitled “Sexual Affairs amongst Employees: A Legal Challenge for Implementation in ASEAN” is also featured in this special edition.

The development of the law can also be seen in almost every aspect of life of the society and can be seen in the paper entitled “Legal Study on University Governance for Community Development in Malaysia”, “Financial Stability of Professional League: Legal Analysis on Rules and Practice of Professional Sports League” and “Do Not Resuscitate (DNR) Instructions In the Health Sector From the Legal Perspective”. The other two papers concern the environmental issues, namely “SDG 3 Landscape in Low and Middle Income Countries (LMIC) and Implementation Challenges” and “A Survey on Perceptions of Legal and Non-Legal Factors Affecting Sustainable Solid Waste Management in Malaysia”.

Finally, it is of our sincere and greatest hope that all articles contained in this special edition will be able to enlighten our readers and stimulate further studies in the future.

Rasyikah Md Khalid
Ahmad Azam Mohd Shariff